



Untuk Siaran Segera

PTPTN LAKSANA KOLABORASI STRATEGIK BANTU PEMINJAM MENCARI PELUANG PEKERJAAN

Kuala Lumpur, 29 Ogos 2019 – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melaksanakan kolaborasi strategik melalui Memorandum Persefahaman (MOU) dengan The National Chamber of Commerce and Industry of Malaysia (NCCIM), Agensi Pekerjaan Jobstreet.com Sdn Bhd dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Kolaborasi ini dilihat mampu membantu peminjam PTPTN mendapatkan peluang mencari kerja dan membina kerjaya yang lebih baik seterusnya meningkatkan prestasi bayaran balik pinjaman demi kelangsungan generasi akan datang.

Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman ini dihadiri oleh **Encik Wan Saiful Wan Jan, Penggerusi PTPTN, Puan Mastura Mohd Khalid, Timbalan Ketua Eksekutif, PTPTN, Encik Don Nazwin Don Najib, Bendahari Kehormat NCCIM dan Encik Gan Bock Herm, Pengurus Negara, Agensi Pekerjaan Jobstreet.com Sdn Bhd.**

Sebagai peneraju pinjaman pendidikan, PTPTN melihat masalah yang dihadapi oleh **peminjam PTPTN yang sukar mencari pekerjaan sebagai salah satu masalah yang turut dirasai oleh PTPTN.**

Penggerusi PTPTN, Encik Wan Saiful Wan Jan berkata, “**PTPTN memahami isu yang dihadapi oleh peminjam dan sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) PTPTN kepada peminjam langkah kerjasama dengan agensi ini diambil bagi membantu mengatasi masalah ini. Ia adalah di luar bidang kuasa dan fungsi PTPTN. Namun pendekatan tanggungjawab sosial korporat ini diambil**

untuk memastikan peminjam PTPTN mendapat peluang pekerjaan yang sewajarnya selepas bergraduat.”

Ia adalah sebahagian daripada usaha PTPTN bagi membantu peminjam mencari pekerjaan dan memudahkan urusan mereka untuk memulakan bayaran balik pinjaman dua belas bulan (12) selepas tamat pengajian selain membantu peminjam PTPTN yang terdahulu (bermula pinjaman tahun 1997) sekiranya mereka masih menganggur atau ingin mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

PTPTN berharap kerjasama ini boleh **membantu peminjam** yang sehingga hari ini tidak mampu membayar langsung atau tidak mampu membayar secara konsisten. **Kerjasama ini akan membuka ruang untuk mereka mencari pekerjaan yang lebih baik.**

PTPTN terpanggil untuk membantu peminjam PTPTN keluar daripada masalah tersebut dengan **berkolaborasi bersama beberapa agensi bagi membantu meningkatkan peluang mendapat kerja kepada peminjam PTPTN**. Kolaborasi yang termeterai melalui MOU antara agensi terlibat akan **membantu peminjam PTPTN mendapatkan pekerjaan bersetujuan dengan kelulusan masing-masing sekali gus membolehkan mereka membuat bayaran balik pinjaman secara konsisten.**

Agensi terlibat adalah **NCCIM melalui saluran portal MyJobs, JobStreet.Com Sdn Bhd melalui saluran portal JobStreet.com dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia melalui saluran portal JobsMalaysia**. Setiap daripada agensi tersebut **menyediakan manfaat yang besar kepada peminjam PTPTN dalam membina kerjaya mereka**.

Encik Don Nazwin Don Najib, Bendahari Kehormat NCCIM berkata, “**MyJobs di bawah NCCIM merupakan sebuah platform untuk majikan mempromosikan kekosongan jawatan dan juga saluran untuk orang ramai khususnya peminjam PTPTN mencari peluang pekerjaan. Platform ini akan dapat membantu membina database permohonan pekerjaan yang boleh digunakan terutamanya ahli-ahli NCCIM untuk memenuhi keperluan untuk mencari calon bagi mengisi kekosongan jawatan dengan kadar segera. 650,000 majikan yang merupakan ahli NCCIM dijangka dapat menyediakan keperluan pekerjaan bagi memastikan ia dapat memenuhi permintaan dengan pekerjaan bertaraf kontrak atau**

program latihan pekerjaan sementara sebagai penyelesaian jangka masa pendek sebelum peserta mendapat tawaran pekerjaan tetap yang lebih baik.”

Encik Gan Bock Herm, Pengurus Negara, Agensi Pekerjaan Jobstreet.com Sdn Bhd berkata, “JobStreet.com merupakan sebuah portal mencari pekerjaan yang popular di Malaysia yang mempunyai 90,000 majikan berdaftar secara dalam dan luar negara. Selain itu, *microsite* JobStreet.com yang diwujudkan untuk PTPTN menyediakan semua fungsi pencarian kerja. Perkhidmatan tambahan secara percuma turut disediakan kepada peminjam PTPTN meliputi penyediaan modul pembelajaran seperti persediaan menghadapi temuduga, *basic soft skill learning*, penyediaan *resume* dan banyak lagi. Semua kaedah pengajaran ini akan dibuat dalam bentuk video pendek dan akan ditayangkan secara berkala untuk latihan dan kegunaan peminjam PTPTN. JobStreet.com juga menyediakan sesi soal jawab dan penerangan oleh pegawai JobStreet.Com dan majikan industri kepada peminjam PTPTN yang berminat untuk belajar dan mendapatkan kemahiran tambahan melalui aplikasi webinar atau FB live PTPTN.”

JobsMalaysia di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia merupakan platform sistem pencarian kerja. PTPTN diberi keutamaan untuk turut serta dalam setiap program dan *career fair* JobsMalaysia yang diadakan di setiap negeri bagi membantu peminjam PTPTN. Platform ini dapat mendekatkan proses pencarian pekerjaan dengan peminjam PTPTN berbanding mereka yang terpaksa datang ke pusat bandar raya bagi mendapatkan info dan mencari pekerjaan.

PTPTN sentiasa melaksanakan pelbagai pendekatan untuk membantu pelanggan khususnya peminjam PTPTN. Dengan pendekatan baharu, PTPTN berkolaborasi bersama agensi lain untuk membantu peminjam PTPTN dalam mendapatkan pekerjaan/ kerjaya yang lebih baik sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka.

“Dengan pendekatan yang dilaksanakan ini membolehkan kitaran ekosistem pembiayaan daripada memberi pinjaman sehingga mendapatkan semula bayaran balik pinjaman yang telah diberikan dapat dilengkapi sepenuhnya disebabkan lompong-lompong kepada permasalahan untuk membuat bayaran balik tersebut telah diatasi,” tambah Pengerusi PTPTN lagi.

Pendekatan PTPTN untuk **mendengar permasalahan dan keluhan daripada rakyat** khususnya peminjam PTPTN **tanpa mengabaikan kelestarian pinjaman** PTPTN kepada generasi akan datang pastinya akan **menghasilkan situasi menang-menang (*win-win situation*) kepada semua pihak** (peminjam, PTPTN dan Kerajaan).

Mengenai PTPTN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN memulakan operasi pada 1 November 1997 dan bertanggungjawab menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan mengutip pembayaran balik pinjaman; menyediakan skim simpanan dan menguruskan deposit bagi tujuan pendidikan tinggi; serta melaksanakan sebarang fungsi lain yang diamanahkan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) adalah merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. Di bawah SSPN ini terdapat dua produk iaitu SSPN-i (yang dilancarkan pada tahun 2004) dan SSPN-i Plus (yang dilancarkan pada tahun 2015).

Hubungi:

- i) **Pn. Rina Abd Rahman di rina@ptptn.gov.my (019 - 3888 733); atau**
- ii) **En. Muhammad Haikal Asmawi di haikal@ptptn.gov.my (010 - 6568 510)**

-tamat-

Disiarkan oleh: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)